

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSOLOR SEMPENA

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HADJI

MAJLIS HARI MERCU KOKURIKULUM UTAM PADA

DEKATAN 150 TAHUN TERAJAM DAN BERKUALITI

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS HARI MERCU

INDUSTRI, UTAM JABER BUN BILAH

KOKURIKULUM UTeM

MADYA DR. HANIPAH BINTI HUSAIN

ASSALAMU ALAIKUM WAIKRAMAH

DIFIKAN POGAT BISHAH DAN PEMBAKUCUNAN BISHAH

TERIMA KASIH SALLADARAH PENTACAMA MAJLIS,

PEJABAT PEDANAALYKARAN UNIVERSITI,

TEMPAT:

Y.BHG. PROF. DR. ABU BAWABDULLAH

KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PANDAH)

UTeM

WAKILANASONGAI

YANG DIFERTUA MAJLIS PERHIMPUNAN PELAJAR
DAN BARISAN EXCO MPEL

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. MOHD BAKAR BIN

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI NOURAH

MUHAMMAD BIN

TARIKH :

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELAK)

14 MAC 2007

INOVASI

ISTUHAN (DAN PUNYI PUNYI YANG DIFERTUA)

ASSALAMUALAIKUM WAIKRAMAH DAN SELAMAT
SEMANTERA

TEKS UCAPAN YBHG NAIB CANSELOR SEMPENA
MAJLIS HARI MERCU KOKURIKULUM UTeM PADA
14 MAC 2007 BERTEMPAT DI KAFETERIA, KAMPUS
INDUSTRI, UTeM JAM 8.00 MALAM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA/I PENGACARA MAJLIS,

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Y.BHG PROF. MADYA DR. HANIPAH BINTI HUSSIN
DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

ALHAMDULLILAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN SERTA RAHMATNYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA MAJLIS MALAM INI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUP HARI MERCU KOKURIKULUM UTeM INI.

PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBPI) YANG DITUBUHKAN PADA 01 DISEMBER 2006 ANTARA LAINNYA ADALAH BERPERANAN UNTUK MENINGKATKAN "SOFT SKILL" ATAU KEMAHIRAN INSANIAH DI KALANGAN PELAJAR, DI SAMPING PBPI JUGA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM BAHASA DI PERINGKAT UNIVERSITI. SEHUBUNGAN ITU PROGRAM YANG DIADAKAN PADA MALAM INI ADALAH SANGAT RELEVAN DENGAN MATLAMAT PENUBUHANNYA.

PADA SEMESTER 2 SESI 2006/2007 INI SERAMAI 1200 ORANG PELAJAR MENGIKUTI

MATAPELAJARAN KOKURIKULUM INI. MATAPELAJARAN INI ADALAH MATAPELAJARAN WAJIB UNIVERSITI YANG PERLU DIAMBIL OLEH SETIAP PELAJAR. MEREKA PERLU MENGAMBIL 2 MATAPELAJARAN KOKURIKULUM SAMA ADA PADA PERINGKAT DIPLOMA ATAU IJAZAH SEPANJANG PENGAJIAN DI SINI.

SEHINGGA KINI TERDAPAT 26 SUBJEK KOKURIKULUM YANG DITAWARKAN KEPADA PELAJAR BAGI SEMESTER INI IAITU YANG MELIPUTI BIDANG SUKAN SEPERTI

1. BOLA SEPAK
2. GOLF
3. SEPAKTAKRAW
4. BOLA TAMPAR
5. RENANG
6. TAEKWANDO

7. KARATEDO DAN SEBAGAINYA

UNTUK BIDANG KESENIAN TERDAPAT SUBJEK
SEPERTI:

SELAIN ITU TERDAPAT JUGA SUBJEK
KOKURIKULUM DALAM BIDANG REKREASI SEPERTI:

1. KEMBARA
2. MOUNTAIN BIKE
3. KAYAK

1. GAMELAN
2. CAKLEMPUNG
3. KOIR
4. NASYID

BIDANG KEMASYARAKATAN PULA MENAWARKAN
SUBJEK SEPERTI

BIDANG KEUSAHAWANAN PULA MENAWARKAN
SUBJEK :

1. RAKAN SEBAYA DAN SAHABAT
KHIDMAT
2. PENERBITAN DAN KEWARTAWANAN
3. VIDEO, FILEM DAN FOTOGRAFI
4. TAHSIN AL-QURAN DAN BACAAN
YAASIN

1. TECHNOPRENEURSHIP
2. FIQH MUAMALAT

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ADALAH DIJANGKA SERAMAI 1640 ORANG PELAJAR
AKAN MENGIKUTI MATAPELAJARAN KOKURIKULUM
PADA SEMESTER DEPAN. UNTUK ITU PIHAK

UNIVERSITI BERCADANG UNTUK MENAMBAHKAN LAGI SUBJEK KOKURIKULUM YANG SEDIA ADA SUPAYA PELAJAR MEMPUNYAI BANYAK PILIHAN SERTA IA DAPAT MENAMPUNG PERTAMBAHAN PELAJAR INI.

ANTARA SUBJEK YANG AKAN DITAMBAH IALAH HOKI, BOLA BALING, SOFT BALL, TEATER DAN PAKAIAN SERAGAM SEPerti PENGAKAP KELANA, PERSATUAN BULAN SABIT MERAH DAN SUKSI.

PADA MASA INI KEBANYAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK MENJAYAKAN AKTIVITI KOKURIKULUM INI ADALAH DISEWA DARIPADA PIHAK LUAR SEPerti PENGGUNAAN DEWAN DAN GELANGGANG UNTUK BADMINTON, PADANG GOLF DAN KOLAM RENANG.

INI KERANA UNIVERSITI MASIH LAGI KEKURANGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERSEBUT PADA MASA INI. WALAU BAGAIMANAPUN SEBAHAGIAN BESAR MASALAH KEMUDAHAN SUKAN DIJANGKAKAN AKAN DAPAT DIATASI APABILA SIAPNYA KOMPLEKS SUKAN DI KAMPUS INDUK YANG DIJANGKA PADA JULAI 2007 INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

BERDASARKAN MODUL PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH YANG DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA, MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI DIKEHENDAKI UNTUK MENGUASAI 7 (TUJUH) KEMAHIRAN INSANIAH BERIKUT BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI MODAL INSAN YANG BERMUTU TINGGI IAITU:

1. KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

2. PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH
3. KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN
4. PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT
5. KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
6. ETIKA DAN MORAL PROFESIONAL
7. KEMAHIRAN KEPIMPINAN

TIDAK SAHAJA BERTANGGUNGJAWAB BAGI MELAHIRKAN GRADUAN YANG CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIKNYA TETAPI JUGA PERLU MEMASTIKAN MEREKA MENJADI RAKYAT DAN MODAL INSAN YANG MANTAP DARI SEGI PENGETAHUAN, MORAL, ETIKA DAN BERSIKAP PROGRESIF.

DUNIA GLOBAL HARI INI MENUNTUT KEPADA KITA UNTUK MELAHIRKAN MODAL INSAN KELAS PERTAMA YANG MAMPU MEMBAWA KEPADA SATU ANJAKAN PARADIGMA UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA. MEREKA BUKAN SEKADAR BIJAK DALAM BIDANG ILMU PENGETAHUAN YANG DIPELAJARI DI UNIVERSITI TETAPI JUGA BERANI, KREATIF, INOVATIF SERTA DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERKEMBANGAN PESAT DUNIA.

OLEH ITU PERLAKSANAAN MATAPELAJARAN KOKURIKULUM KEPADA PELAJAR YANG DIKENDALIKAN OLEH JABATAN PENGAJIAN KOKURIKULUM PBPI ADALAH PENTING SEBAGAI ALAT BAGI MENCAPAI 7 (TUJUH) KEMAHIRAN YANG DISEBUTKAN TADI.

PERANAN UNIVERSITI HARI INI ADALAH JAUH LEBIH BESAR DARIPADA MASA LALU. UNIVERSITI HARI INI

DENGAN ITU AKTIVITI KOKURIKULUM DILIHAT SEBAGAI SATU CABANG ILMU YANG PENTING

UNTUK DEDEDAHKAN KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI SUPAYA MEREKA MEMPEROLEHI PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN YANG MELIPUTI ASPEK AKAL, ADAB, FIZIKAL, AFEKTIF DAN SOSIAL SAMA ADA SECARA FORMAL, TAK FORMAL ATAU BUKAN FORMAL BAGI MELAHIRKAN MAHASISWA UTeM YANG MATANG DAN BERSIKAP TERBUKA.

MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM MEREKA AKAN DAPAT MENGAMATI, MENGHAYATI, MENGANALISIS DAN MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH MELALUI PENDEKATAN YANG LEBIH SESUAI DAN WAJAR DALAM KEHIDUPANNYA. PROSES PEMBELAJARAN INI AKAN MENJADIKAN MEREKA LEBIH RASIONAL TERHADAP SESUATU PERKARA YANG DILALUI DI SAMPING MENJADIKAN MEREKA LEBIH DINAMIK DAN BERWIBAWA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENGLIBATAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM JUGA MAMPU MEMBENTUK MEREKA MENJADI INDIVIDU YANG MEMPUNYAI KEPERIBADIAN YANG UNGGUL (*TOWERING PERSONALITY*). HAL INI ADALAH SELARAS DENGAN DASAR PENDIDIKAN TINGGI NEGARA UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG JUGA MODAL INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS DARI SEGI INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI.

DENGAN ITU MATLAMAT NEGARA UNTUK MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG TIDAK SAHAJA BERILMU PENGETAHUAN TETAPI JUGA BERKETERAMPILAN, BERAKHLAK MULIA, BERTANGGUNGJAWAB SERTA BERKEUPAYAAN MENCAPAI KESEJAHTERAAN DIRI DAN KEMAKMURAN NEGARA AKAN DAPAT DIPEROLEHI MELALUI PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI AKAN TERUS MENGGALAKKAN AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUM SEBAGAI SATU BIDANG PEMBELAJARAN YANG MENJURUS KEPADA PENEKANAN PERKEMBANGAN INDIVIDU MAHASISWA-MAHASISWI UTeM. KEGIATAN-KEGIATAN KOKURIKULUM SEPERTI SUKAN, KEBUDAYAAN, KEAGAMAAN DAN SEBAGAINYA YANG DILAKUKAN MELALUI AKTIVITI KELAB, PERSATUAN DAN PASUKAN BERUNIFORM AKAN DIPERBANYAKKAN.

DENGAN ITU KITA AKAN DAPAT MEMBINA SAHSIAH MAHASISWA-MAHASISWI UTeM YANG LEBIH CEMERLANG DENGAN CIRI-CIRI DAYA TAHAN, DAYA JUANG DAN DAYA SAING YANG TINGGI UNTUK MEMASTIKAN MEREKA KELAK MENJADIKAN PAKAR IT DAN JURUTERA PROFESIONAL YANG TERBAIK SERTA BERTARAF DUNIA.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERUSAHA MENJAYAKAN PROGRAM INI. SEMOGA PROGRAM INI AKAN MEMBUKA LEMBARAN DAN KESINAMBUNGAN KEPADA LEBIH BANYAK AKTIVITI KOKURIKULUM PADA MASA AKAN DATANG.

DENGAN LAFAZ BISMILAHIRAHMANIRAHIM SAYA MERASMIKAN PENUTUPAN HARI MERCU KOKURIKULUM UTeM INI.

SEKIAN WABILAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALAIKUM W.B.T DAN TERIMA KASIH.